

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 11 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 34

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1433-L10363
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha Kementerian dalam mengatasi masalah pendapatan golongan penoreh getah yang berhadapan dengan isu harga komoditi itu yang tidak stabil kebelakangan ini.

2. PR-1433-L11124
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ulasan daripada pihak Peguam Negara terhadap keputusan Kerajaan membatalkan kontrak projek KVDT2 kepada Syarikat Dhaya Maju LTAT dan implikasi perundangan yang bakal dihadapi.

3. PR-1433-L10833
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jumlah terkini tapak pembinaan yang dibenarkan beroperasi kerana patuh SOP COVID-19 di seluruh negara dan berapa banyak yang tidak patuh SOP serta tidak dibenarkan beroperasi. Dari jumlah ini berapa banyak terletak di Sarawak.

4. PR-1433-L10551
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha dan rancangan pihak Kementerian untuk mempromosikan Bandar Warisan Bersejarah Taiping khususnya setelah Taiping dinobatkan dengan anugerah 'Top 3' Bandar Lestari Terbaik Dunia 2018 dan 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia 2018.

5. PR-1433-L10917
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan dan prospek kejayaan penswastaaan liga dan pasukan bola sepak tempatan yang sedang berjalan.

6. PR-1433-L11334
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mempertimbangkan penempatan Jururawat Gred U29 dan Penolong Pegawai Perubatan U29 di institusi-institusi seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat disebabkan kini berlakunya pertambahan penghuni yang berisiko membawa wabak berbahaya contohnya di Rumah Kanak-Kanak.

7. PR-1433-L10972
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan bagaimana suspek *Macau Scam* berjaya meloloskan diri daripada bangunan SPRM pada 12 Oktober 2020 serta apakah hasil siasatan dalaman terhadap pegawai SPRM dan PDRM yang terlibat dalam siasatan atau kawalan terhadap suspek dan apakah komitmen daripada Ketua Polis Negara bagi memastikan suspek penjenayah tersebut dapat ditahan semula.

8. PR-1433-L10565
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan atau impak ekonomi negara akibat pandemik wabak COVID-19. Nyatakan program atau inisiatif yang telah diambil untuk menggalakkan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi tempatan atau domestik dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini.

9. PR-1433-L10413
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah ke hadapan berkenaan polisi mempromosikan penglibatan sukan di kalangan belia luar bandar dan apakah dasar Kementerian mengenai penyediaan kemudahan sukan kepada pendudukan luar bandar pada Rancangan Malaysia Ke-12.

10. PR-1433-L10142
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menggubal satu akta perhubungan kaum atau '*Race Relations Act*' untuk mengawal semua perkara melibatkan perhubungan kaum yang semakin tenat dan meruncing di tanah air kita.

11. PR-1433-L11241
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) apakah kesan penurunan jumlah ketibaan pelancong warga China sejak krisis pandemik COVID-19 berbanding tahun 2018 dan 2019; dan
 - (b) apakah langkah-langkah Kementerian sebagai persediaan sekiranya pembukaan sempadan negara dibenarkan kelak.
12. PR-1433-L11045
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan perkembangan perniagaan atas talian (*online business*) di negara kita. Apakah mekanisme kawalan dan jaminan-jaminan hak kepenggunaan yang ada untuk memastikan pelanggan tidak tertipu melalui perniagaan atas talian.
13. PR-1433-L10902
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah usaha yang telah dilakukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi memuktamadkan penyata hutang peneroka yang sekian lama tidak dapat diselesaikan; dan
 - (b) berapa jumlah hutang peneroka FELDA keseluruhannya.
14. PR-1433-L11417
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani sikap polarisasi kaum yang ketara seperti kajian ISEAS (Yusof Ishak Institute, Spore) diterbitkan pada 27 Mac 2020 yang mendapati jumlah sentimen '*anti-Chinese*' memuncak sekitar kejatuhan Kerajaan PH.
15. PR-1433-L10217
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jelaskan adakah benar Kerajaan negeri tiada kuasa untuk membuat apa-apa ketetapan tambahan untuk mengawal penularan wabak COVID-19, dan hanya Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan sahaja yang bertanggungjawab untuk mengatasinya.

16. PR-1433-L10871
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian ada usaha-usaha pemantapan kraf terutama dalam bidang kayu dan hasil rimba di kalangan golongan muda seperti Komuniti Kraftangan, Kraf Kampungku yang pernah dilaksanakan. Di Temerloh ada Pusat Inkubator Kraf, namun aktiviti pemantapan kraf berasaskan kayu agak kurang promosi.

17. PR-1433-L10472
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini Kementerian dalam usaha mempertingkatkan hak kanak-kanak iaitu dengan mewujudkan agensi khas bagi mengawal selia semua institusi pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak, mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) dan penambahan pegawai pelindung kanak-kanak.

18. PR-1433-L10583
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan rakyat yang telah diambil tindakan sejak bulan Mac hingga Oktober 2020 akibat tidak mematuhi SOP yang ditetapkan KKM, dengan pecahan ikut jenis kesalahan dan jenis hukuman berserta jumlah dendaan yang berjaya dikutip.

19. PR-1433-L10263
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam membantu industri pelancongan yang terjejas akibat krisis COVID-19.

20. PR-1433-L10708
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status janji beliau pada 30 Ogos di Sandakan, untuk menaikkan bantuan kebajikan kepada golongan B40 daripada RM200-300 sebulan kepada RM1,000 sebulan, bilakah akan dilaksanakan, nyatakan bilangan penerima dan kos terbabit.

21. PR-1433-L11171
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikan '*road map*' pelaksanaan RUU355.

22. PR-1433-L10838

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian penyelidikan pemasaran antarabangsa mengenai penerimaan slogan "Sawit Anugerah Tuhan"; dan
- (b) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk kempen tersebut sehingga Oktober 2020.

23. PR-1433-L10070

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sekarang bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap Sistem Kehakiman Negara.

24. PR-1433-L10068

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sekarang mempunyai cadangan untuk mengangkat Rukun Negara dijadikan mukadimah kepada Perlembagaan Persekutuan.

25. PR-1433-L11375

Tuan Baru Bian [Selangau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai Perjanjian MA63, bilakah Kerajaan Pusat akan menyerahkan kuasa untuk 17 dari 21 perkara yang telah dipersetujui.

26. PR-1433-L10937

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyelaraskan hal ehwal pentadbiran Islam di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri berhubung perubahan norma baharu akibat pandemik COVID-19.

27. PR-1433-L10730

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan yang akan dilakukan oleh Kerajaan bagi memperkasakan institusi tahfiz di Malaysia.

28. PR-1433-L10845
Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan berkenaan dengan cadangan '*Transparency International Malaysia*' yang mencadangkan hukuman pesalah rasuah perlu dikaji semula agar hukuman yang lebih berat dapat dilaksanakan.
29. PR-1433-L10602
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapa Kementerian memberhentikan pemberian wang tanaman semula bagi pekebun-pekebun kecil kelapa sawit. Adakah Kementerian akan memulihkan pemberian wang tersebut.
30. PR-1433-L11108
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan mengambil keputusan untuk tidak melakukan ujian saringan COVID-19 dan kuarantin wajib bagi semua yang pulang dari kempen Pilihan Raya Negeri Sabah di antara 12 hingga 26 September 2020.
31. PR-1433-L10645
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah belia yang diisytiharkan mufliis sejak bulan Mac tahun ini mengikut pecahan kebangsaan, negeri, umur, kaum, jantina, kelulusan akademik, dan punca kebangkrapan.
32. PR-1433-L10305
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan belanjawan untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat Bumiputera sejak DEB pada tahun 1971 hingga sekarang dan sebab-sebab sasaran tersebut belum tercapai.
33. PR-1433-L11174
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kerugian semasa PETRONAS punca dan strategi mengatasinya.

34. PR-1433-L11284

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat lebih '*supreme*' dari Perlembagaan Persekutuan bila mana dua orang Ahli Parlimen mengemukakan Usul Undi Tidak Percaya terhadap Perdana Menteri namun ditolak oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat kerana terikat dengan Peraturan Mesyuarat.

35. PR-1433-L(5)00061

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah memulangkan semua gajinya sebagai Menteri bermula Mei hingga Ogos 2020 kerana melanggar SOP kuarantin COVID-19 selepas pulang dari Turki, seperti apa yang diumumkan oleh beliau. Berapa jumlah amaun yang telah dipulangkan oleh beliau kepada Kerajaan.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

36. PR-1433-L11235

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan laporan *Khazanah Research Institute* pada Oktober 2020, jurang pendapatan di antara negeri-negeri masih ketara. Antara puncanya adalah kenaikan gaji yang tidak memberangsangkan serta ekonomi tatkala wabak COVID-19. Apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan jurang pendapatan dikurangkan.

37. PR-1433-L10366

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah dan usaha Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia dan RISDA untuk membantu pekebun-pekebun kecil lada dan getah untuk meningkatkan hasil produk pertanian mereka di Sarawak.

38. PR-1433-L11226

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejajar dengan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional baharu, adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk menyemak semula syarat kelayakan untuk permohonan bantuan am persekutuan seperti Skim Bantuan Kebajikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, bantuan guaman oleh Majlis Peguam, dan lain-lain.

39. PR-1433-L11356
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Tabung COVID-19:-
- (a) berapakah nilai terkumpul Tabung COVID-19 sehingga bulan November 2020 ; dan
 - (b) apakah status penggunaan dana Tabung COVID-19.
40. PR-1433-L10194
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah keluarga petugas barisan hadapan yang terkorban semasa menjalankan tugas mendepani COVID-19 mendapat pampasan yang sewajarnya.
41. PR-1433-L10971
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan semula Akta Antiberita Tidak Benar 2018 yang telah dimansuhkan oleh pentadbiran Pakatan Harapan memandangkan terdapat terlalu banyak berita berbaur hasutan dan palsu yang tersebar termasuklah yang menyinggung kedudukan Raja-Raja Melayu serta asas Perlembagaan.
42. PR-1433-L10236
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pembayaran penuh SST produk petroleum bagi tahun 2019 sebanyak RM2.96 bilion oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Sarawak akan mempengaruhi peruntukan pembangunan Belanjawan 2021 untuk Sarawak.
43. PR-1433-L10306
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kesesakan penjara, penderaan, buruh kanak-kanak, halangan keadilan, keadaan sanitasi dan keadaan kesihatan yang buruk dan layanan tidak berperikemanusiaan di pusat-pusat tahanan sementara di Sabah seperti yang didakwa oleh Komnas HAM dan SUHAKAM.
44. PR-1433-L10316
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) inisiatif Kerajaan dalam memacu dan membangunkan sektor pekerjaan hijau (*green jobs*) dan syarat-syarat yang tertakluk untuk pekerjaan ini; dan
 - (b) adakah strategi hijau diguna pakai dalam cetakan biru pembangunan Modal Insan untuk pekerjaan hijau kelak.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-
 "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Dewan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.3 Tahun 2020 hendaklah diterima dan dipersetujui."
2. (D.R.16/2020) Rang Undang-undang Perbekalan 2021 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (10 November, 2020)**

DAN

Usul dibuat oleh YB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (10 November, 2020)

3. (D.R 11/2020) Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2020 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (5 November, 2020)**

[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]

4. (D.R 13/2020) Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

5. (D.R.14/2020) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 "

[Menteri Sumber Manusia]

6. (D.R 15/2020) Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

7. (D.R.12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "

[Menteri Dalam Negeri]

8. PR-1433-U(27)141

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

9. PR-1433-U(27)144

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

10. PR-1433-U(27)145

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

11. PR-1433-U(27)146
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."
[Menteri Alam Sekitar Dan Air]
12. PR-1433-U(27)147
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."
[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]
13. PR-1433-U(27)148
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."
[Menteri Kesihatan]
14. PR-1433-U(27)149
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."
[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1433-U(27)150
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."
[Menteri Kewangan]
16. PR-1433-U(27)152
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."
[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]
17. PR-1433-U(27)164
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."
[Menteri Dalam Negeri]
18. PR-1433-U(27)166
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."
[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1433-U(27)135

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendetang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendetang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut:

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1433-U(27)136

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."

[Menteri Perpaduan Negara]

21. PR-1433-U(27)137

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1433-U(27)138

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Pasu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

23. PR-1433-U(27)165
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan ini mengambil ketetapan menyatakan kepercayaan penuh dan berikrar kesetiaan yang tidak berbelah-bagi terhadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan.

Bahawasanya Dewan ini berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya- kepada beliau bagi melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan sebaiknya. Negara memerlukan kestabilan dan perpaduan erat di semua peringkat dalam mengharungi ujian penularan semula pandemik Covid-19. Usaha yang bersungguh-sungguh amat diperlukan bagi memulihkan ekonomi negara dan membela nasib seluruh rakyat yang begitu teruk terjejas akibat wabak."

[Perdana Menteri]

24. PR-1433-U(27)140
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

25. PR-1433-U(27)139
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Jerlun untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

26. PR-1433-U(27)142
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] akan mencadangkan :-
